



Malaysia

Aplikasi untuk Piawaian & Barkod GS1 – Blok Kecil

Rujukan dibuat kepada permohonan yang dikemukakan oleh syarikat anda untuk melanggan Piawaian & Barkod GS1 di bawah Keahlian Blok Kecil.

Perkara berikut mesti dipertimbangkan dengan serius & diakui sebelum meneruskan permohonan anda:

- a. Keahlian Blok Kecil dicipta untuk **perusahaan kampung, syarikat berasaskan rumah atau berperingkat mikro** yang tidak **mempunyai lebih daripada 10 jenis produk yang memerlukan barkod/GTIN, barang promosi, produk untuk perayaan, yang bermusim ataupun pembuatan terhad** sahaja, dan **jumlah jenis tidak dijangka berkembang untuk masa hadapan**. Keahlian Blok Kecil hanya akan mengeluarkan **10 nombor barkod**. Sekiranya syarikat anda memerlukan barkod tambahan, anda mesti memohon Lesen Tambahan Keahlian GS1, tertakluk pada kadar, terma dan syarat semasa:
 - a. Tambahan Keahlian Standard: **RM816.00/lesen/setahun (1,000 barkod/GTIN)**
 - b. Tambahan Keahlian Blok Kecil: **RM390.00/lesen/setahun (10 barkod/GTIN)**
- b. Lesen Tambahan Keahlian dianggap sebagai **lesen penuh** yang **berbeza** daripada lesen keahlian utama anda yang sedia ada (lessen ini boleh **ditamatkan atau dipindahkan secara individu**) dan disertakan dengan **yuran tahunan**, yang akan **ditambahkan diatas jumlah Yuran Pembaharuan Lesen anda yang sedia ada**.
- c. Apabila memperuntukkan barkod (GTIN - Nombor Item Perdagangan Global) atas produk anda, setiap **variasi produk** (cth. **jenis pembungkusan, perisa dan warna yang berbeza**) akan memerlukan **nombor barkod yang berbeza**.
- d. Prefix Syarikat GS1 untuk Keahlian Blok Kecil adalah sepanjang **12 digit** dan bukannya **6 digit** yang dikeluarkan bagi Keahlian Standard. Ini akan mempengaruhi penjanaan Kod GS1 yang lain seperti Kod Kontena Penghantaran Bersiri (SSCC).
- e. 2 prefix keahlian GS1 yang berbeza tidak **dibenarkan digabungkan di bawah 1 lesen**.
- f. Lesen Keahlian Blok Kecil **tidak dibenarkan untuk dinaik taraf kepada lesen blok nombor yang lebih tinggi (i.e. dari Blok Kecil kepada Standard)**.
- g. Penamatan Keahlian Blok Kecil anda tertakluk kepada **terma** yang tertera di bahagian yang dilabelkan sebagai 'Penamatan Keahlian' dalam **Terma dan Syarat GS1 Malaysia**. Penggunaan barkod/GTIN yang telah ditamatkan adalah tidak dibenarkan dan nombor/lessen akan diberi kepada Ahli yang lain apabila diperlukan. Data produk yang telah disenaraikan dalam *Member Product Databank* juga akan dikeluaran.

Saya telah membaca dan telah memahami maklumat diatas yang dibagikan. Saya ingin memohon Keahlian Blok Kecil yang menyediakan 10 GTIN (nombor barkod)

(Sila tick ✓ dan hantar balik emel ke membership@gs1my.org ataupun WhatsApp di +6014-3933228)

Nama: _____

Tandatangan: _____

Jawatan: _____

Tarikh: _____

Syarikat: _____